

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : TUAN HASANUDDIN BIN MOHD YUNUS
[HULU LANGAT]**

SOALAN NO. 165

TUAN HASANUDDIN BIN MOHD YUNUS [HULU LANGAT] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang bakal diambil bagi mengatasi masalah inflasi dan diflasi yang sedang di alami oleh negara sekarang.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Indeks Harga Pengguna (IHP) yang mengukur kadar inflasi hanya meningkat sebanyak 1% pada tahun 2018 berbanding 2017 sebanyak 3.7%. Peningkatan yang sederhana ini didorong oleh GST berkadar sifar dari bulan Jun hingga Ogos 2018, harga minyak RON95 dan Diesel yang ditetapkan kepada RM2.20 dan RM2.18 seliter bermula Mei 2018 serta peralihan kepada SST bermula 1 September 2018. Peralihan kepada SST menyaksikan IHP meningkat pada kadar yang rendah iaitu antara 0.8% hingga 0.2% dari September hingga Disember 2018.
2. Berdasarkan kepada data pada Januari 2019, IHP menguncup sebanyak 0.7%. Penyumbang utama kepada penguncupan ini adalah kerana penurunan ketara dalam segmen pengangkutan sebanyak (-7.8%) berikutan harga minyak RON95, RON97 dan Diesel yang jauh lebih rendah berbanding Januari 2018. Selain itu, segmen-segmen lain seperti pakaian & kasut (-3.3%), komunikasi (-1.2%), kesihatan (-0.5%), perkhidmatan rekreasi & kebudayaan (-0.4%) dan hiasan, perkakasan & penyelenggaraan isi rumah (-0.3) yang merosot turut menyumbang kepada penguncupan IHP tersebut.
3. Walau bagaimanapun, indikator-indikator permintaan domestik (domestic demand) berkembang positif pada Januari 2019. Sebagai contoh, nilai jualan perdagangan borong & runcit meningkat 7.8% manakala jualan kereta penumpang (10.8%), kredit penggunaan (antaranya kad kredit, kegunaan persendirian dan pembelian kereta) (4.2%) serta import barangan penggunaan (3.3%) terus berkembang

dalam tempoh yang sama. Oleh yang demikian, adalah tidak tepat untuk menggambarkan bahawa negara sedang mengalami tekanan diflasi berikutan permintaan domestik yang lemah seterusnya menyamakan situasi ini dengan keadaan yang dialami pada 2009 sewaktu ekonomi dunia dan Malaysia mengalami kegawatan disebabkan oleh krisis sub prime mortgagedi Amerika Syarikat.

Tuan Yang Di-Pertua,

4. Sebagai Kerajaan yang perihatin terhadap kebajikan rakyat, pelbagai usaha telah, sedang dan akan diambil bagi menangani rungutan isu kenaikan harga barangan walaupun IHP menunjukkan kadar pertumbuhan negatif pada bulan Januari 2019. Langkah-langkah ini termasuk:

- i. menambahbaik program Bantuan Sara Hidup (BSH) untuk mengurangkan bebanan hidup golongan berpendapatan rendah;
- ii. terus menambah pengeluaran makanan tempatan serta menambah baik kecekapan pengedaran, seperti aktiviti jualan secara langsung produk pertanian kepada pengguna melalui pasar tani dan agrobazaar oleh pihak FAMA, untuk memastikan harga barangan dan perkhidmatan yang kompetitif;
- iii. menguatkuasakan pelaksanaan Akta Kawalan Harga dan Anti-Pencatutan (2011) dan Akta Persaingan (2010), untuk meminimakan kemungkinan peniaga mengambil keuntungan yang berlebihan dan menggalakan persaingan perniagaan yang sihat; dan
- iv. meningkatkan kesedaran pengguna melalui penyenaraian harga makanan utama melalui portal Info Pengguna untuk membolehkan pengguna membuat perbandingan harga dan pilihan tepat sebelum membuat pembelian.

Tuan Yang di-Pertua,

5. Kerajaan akan terus memantau perkembangan harga barangan agar tekanan inflasi terus berada di paras yang terkawal. Pada masa yang sama, Kerajaan juga akan mengambil langkah-langkah yang sewajarnya supaya kesan kenaikan kadar inflasi tidak akan membebankan rakyat khususnya golongan yang mudah terjejas dan yang berpendapatan rendah.